

22 APR 2002

MCA-Tunda

PROSES PENAMAAN DAN PEMILIHAN BAHAGIAN MCA DITUNDA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Proses pemilihan bahagian MCA yang dijadualkan pada Sabtu dan Ahad ini telah ditunda, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata proses penamaan yang sepatutnya berlangsung hari ini turut ditunda.

"Kita telah capai persetujuan untuk ambil cara-cara untuk melaksanakan agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya pada sidang media di Wisma MCA di sini.

Dr Ling berkata keputusan itu diambil demi kepentingan MCA serta Barisan Nasional dan beliau merayu anggota-anggota parti supaya menerima dan memahami langkah-langkah yang akan diambil.

"Kita perlu buat pengorbanan dan saya merayu ahli-ahli MCA untuk menerima dan memahami langkah-langkah yang akan diambil,"katanya.

Dr Ling berkata langkah itu termasuklah mematuhi peruntukan perlembagaan parti mengenai pemilihan yang perlu dijalankan sekali setiap tiga tahun.

Beliau berkata ia juga termasuk langkah menangguhkan proses penamaan calon di peringkat bahagian selain memperjelaskan agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri ke peringkat akar umbi.

Butir-butir lain mengenai agenda kedamaian itu akan dibincang dalam mesyuarat jawatankuasa pusat parti (CC) pada pukul 11 pagi esok.

Ditanya berapa lama penangguhan untuk pemilihan bahagian akan dibuat, Dr Ling menjelaskan: "Kita ada tempoh sehingga 16 dan 17 Mei ini."

Pemilihan bahagian kali terakhir dijalankan ialah pada 16 and 17 Mei, 1999 dan mengikut perlembagaan parti, pemilihan bahagian perlu dijalankan setiap tiga tahun sekali sebelum tarikh tersebut.

Ketika ditanya sama ada beliau telah menandatangani sebarang perjanjian perdamaian seperti yang ditandatangani oleh timbalannya Datuk Lim Ah Lek, beliau menjawab tidak ada.

Dr Ling berkata ini kerana terdapat beberapa perkara yang tidak dipersetujui sebelumnya oleh semua pihak.

"Semua ini perlu diselesaikan dulu dan ada pindaan harus dibuat," katanya.

-- BERNAMA

AZH AT DC MAI